

01 NOV 2003

Hamdan-Mahathir

KLIA DITUKAR KEPADA LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA TUN DR MAHATHIR?

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dicadang ditukar nama kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Tun Dr Mahathir sebagai satu penghormatan kepada bekas Perdana Menteri.

Presiden FOMCA Profesor Dr Hamdan Adnan berkata sebagai pemimpin yang telah menjulang nama Malaysia di arena dunia, "sememangnya wajar Dr Mahathir diberi penghormatan `selama-lamanya'".

Katanya, kepimpinan Dr Mahathir yang dinamik dan berwawasan telah berjaya menaikkan nama Malaysia sehingga dikenali dan dicontohi negara lain.

Ini berbeza dengan era 70-an dan awal 80-an di mana terlalu sedikit masyarakat dunia yang tahu tentang Malaysia termasuk kewujudannya, kata beliau.

"Semasa saya menuntut di Amerika Syarikat dulu, apabila kita sebut Malaysia orang ingat ia di China atau India. Sekarang semua orang sudah kenal Malaysia dan Dr Mahathir," katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau menambah Dr Mahathir turut merupakan penggerak utama projek KLIA yang kini menjadi kebanggaan negara walaupun pernah dikritik hebat semasa peringkat awal pembinaannya.

Katanya, amalan menamakan lapangan terbang mengikut tokoh negara bukanlah sesuatu yang baru, dan banyak diamalkan negara lain termasuk negara maju.

Antaranya, Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy di New York, Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino di Manila dan Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta di Jakarta.

Hamdan berkata Dr Mahathir meletakkan jawatan ketika masih disanjung ramai dan ini membuktikan beliau seorang pemimpin yang hebat.

"Dr Mahathir sudah bersara sebagai PM, wajarlah kita memberi penghargaan kepadanya," kata beliau.

-- BERNAMA

MOT AZZ PR